

٧٣- حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ سَهْلٍ الْأَعْرَجِيُّ الْبَغْدَادِيُّ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ غَيْلَانَ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ التَّمِيمِيُّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ إِنَّمَا سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُغْنِيَهُمْ لِأَنَّهُمْ سَمِعُوا أَغْنِ الرَّعَاةَ قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ لَا نَعْلَمُ أَحَدًا ذَكَرَهُ غَيْرَ هَذَا الشَّيْخِ عَنْ يَزِيدَ بْنِ زُرَيْعٍ وَهُوَ مَعْنَى قَوْلِهِ (وَالْجُرُوحُ قِصَاصٌ) وَقَدْ رَوَى عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ قَالَ إِنَّمَا فَعَلَ بِهِمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا قَبْلَ أَنْ تَنْزِلَ الْخُذُودُ

73 – Al-Fadhl bin Sahl al-A'raj al-Baghdadi⁶⁶¹ meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Ghailān⁶⁶² meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Zurai'⁶⁶³ meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman at-Taimi

⁶⁶¹ Beliau ialah Al-Fadhl bin Sahl bin Ibrahim al-Baghdādi al-Hāfīzh, berasal dari Khurāsān tetapi kemudiannya menetap di Baghdad. Abul 'Abbaas adalah kuniahnya. Al-A'raj pula adalah gelarannya, dikatakan al-A'raj kerana beliau seorang yang tempang. Al-Fadhl bin Sahl adalah perawi shadūq dari thabaqah ke-11.

Al-Fadhl meriwayatkan hadits daripada Syabābah, al-Aswad bin 'Aamir, al-Hasan bin Musa al-Asyab, Zaid bin al-Habhab, Abil Jawwābal-Ahwash bin Jawwāb, Yazid bin Harun, Yahya bin Ghailān dan lain-lain.

Daripada pengarang-pengarang enam kitab utama hadits, hanya Ibnu Majah tidak meriwayatkan daripadanya. Selain mereka, Abu Haatim, 'Abdullah bin Ahmad bin Hambal, Abu Bakr bin Abi 'Aashim, 'Abdān dan Ibnu Abi ad-Dunya juga merupakan orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Abu Haatim berkata, "Dia perawi shadūq." An-Nasā'i dan Ibnu Hibbaan berkata, "Dia perawi tsiqah."

Di dalam kitab Sunan at-Tirmidzi ini terdapat hanya lima sahaja haditsnya. Al-Fadhl bin Sahl meninggal dunia pada tahun 255 Hijrah ketika berumur lebih 70 tahun.

⁶⁶² Beliau ialah Yahya bin Ghailān bin Abdillāh bin Asmā' bin Hārītsah al-Khuzā'i atau al-Aslami al-Baghdādi. Abul Fadhl adalah kuniahnya. Yahya bin Ghailān adalah perawi tsiqah dari thabaqah ke-10.

Beliau meriwayatkan daripada Malik, al-Mufaddhal bin Fadhālah, Yazid bin Zurai', Risydīn bin Sa'ad dan lain-lain.

Al-Fadhl bin Sahl al-A'raj, Ahmad bin Hambal, Muhammad bin 'Abdir Raḥīm al-Bazzāz, Ishaq bin Abi Israil dan lain-lain pula adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Al-Khathīb al-Baghdādi, Ibnu Hibbān dan Ibnu Sa'ad berpendapat, "Dia perawi tsiqah." Di dalam Sahih Muslim dan Sunan an-Nasā'i juga terdapat haditsnya. Di dalam Sunan at-Tirmidzi pula inilah satu-satunya hadits beliau. Yahya bin Ghailān meninggal dunia di Bashrah pada tahun 220 Hijrah.

⁶⁶³ Beliau ialah Yazid bin Zurai' al-'Aisyi al-Bashri al-Hāfīzh. Abu Mu'āwiah adalah kuniahnya. Yazid bin Zurai' adalah perawi tsiqah lagi tsabt (teguh) dari thabaqah ke-

meriwayatkan kepada kami daripada Anas bin Malik, beliau berkata: "Nabi s.a.w. mencelak (menyapu) mata mereka dengan besi panas disebabkan mereka telah mencelak (menyapu) mata penggembala-penggembala dengannya."⁶⁶⁴

Abu 'Isa berkata: "Hadits ini gharib."⁶⁶⁵ Kami tidak mengetahui ada orang lain mengemukakannya selain syeikh ini (Yahya) daripada Yazid bin Zurai'. Ia sesuai dengan firmanNya yang bermaksud: "dan luka-luka (pun) ada qishasnya".⁶⁶⁶

8. Beliau meriwayatkan hadits daripada Sulaiman at-Taimi, Hūmaid at-Thawīl, 'Amar bin Maimūn bin Mihrān, Ayyub dan lain-lain.

Ibnu al-Mubārak, Ibnu Mahdi, Bahz bin Asad, Yahya bin Ghailān, 'Affān, Bundār, 'Abdān, Qutaibah dan lain-lain pula adalah antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Yahya bin Ma'in dan an-Nasā'i mengatakan beliau perawi tsiqah. Abu Hātim berkata beliau tsiqah dan imam. Ibnu Sa'ad pula berkata beliau perawi tsiqah lagi hujjah. Riwayat-riwayatnya terdapat di dalam hampir semua kitab-kitab utama hadits. Di dalam Sunan at-Tirmidzi ini terdapat sebanyak 28 hadits beliau.

⁶⁶⁴ Nabi s.a.w. melakukan begitu terhadap mereka sebagai melaksanakan hukum qishās. Inilah zahir daripada keterangan Anas bin Malik.

Al-'Aini di dalam 'Umdatul Qāri menulis, Soalan kedua ialah kenapakah mereka diseksa dengan api? Jawapannya ialah hukuman ini berlaku sebelum turunnya ayat hūdūd, ayat muhārabah dan larangan (Rasulullah s.a.w.) daripada melakukan mutslah. Hukuman menyiksa dengan api itu telah mansukh. Sesetengah 'ulama' berpendapat ia tidak mansukh. Nabi s.a.w. melakukan begitu terhadap mereka sebagai qishāsh, kerana mereka telah melakukannya terhadap penggembala-penggembala. Imam Muslim ada meriwayatkannya di dalam salah satu saluran riwayat ini.

⁶⁶⁵ Istilah gharib yang digunakan oleh at-Tirmidzi di sini bukan dengan erti dhaif. Tetapi dengan erti tafarrud perawi iaitu bersendirian Yahya bin Ghailan dalam meriwayatkannya. Itulah maksud Imam Tirmidzi berkata, "Kami tidak mengetahui ada orang lain mengemukakannya selain syeikh ini (Yahya) daripada Yazid bin Zurai'." Oleh kerana Yahya seorang perawi tsiqah, tidaklah tafarrudnya menjejaskan hadits yang diriwayatkannya. Kerana itulah Imam Muslim juga mengemukakan riwayat beliau ini di dalam Sahihnya.

⁶⁶⁶ Hukuman Nabi s.a.w. terhadap mereka seperti itu adalah manifestasi bagi firman Allah: وَأَلْجُورُ قِصَاصٌ. Ia selengkapnya adalah seperti berikut:

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأَذْنَ بِالْأَذْنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ
فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارٌ لَهُ. وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ٥

Bermaksud: Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalamnya, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan

Hadits ini juga telah diriwayatkan daripada Muhammad bin Sirin, beliau berkata: "Nabi s.a.w. melakukan begitu terhadap mereka sebelum turunnya ayat (tentang hukum) hudud."⁶⁶⁷

telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka (juga) hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Mā'idah:45).

Maksud firman Allah ini ialah:

{وَكُنْتُمْ عَلَيْهِمْ فِيهَا} Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalamnya (Maksudnya ialah di dalam Kitab Taurat). {أَنْ أَلْفَ نَفْسٍ بِالنَّفْسِ} bahawa nyawa dibalas dengan nyawa (Maksudnya ialah seseorang dihukum bunuh kerana membunuh orang lain). {وَالْعَيْنَ} dan mata dibalas dengan mata (Maksudnya ialah mata seseorang akan dibutakan jika ia membutakan mata orang lain). {وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ} dan hidung dibalas dengan hidung (Maksudnya ialah hidung seseorang dipotong jika ia memotong hidung orang lain). {وَالْأَكْلَ بِالْأَكْلِ وَالشَّوْكَ بِالشَّوْكِ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا} dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka (juga) ada qishāshnya (Maksudnya ialah anggota-anggota lain juga selain yang tersebut itu seperti tangan, kaki, zakar dan lain-lain yang boleh dihukum balas dengan seimbang juga hendaklah dibalas sebagaimana dilakukan terhadapnya), kecuali dalam kes-kes di mana pembalasan seimbang tidak (mungkin) dapat dilaksanakan. Maka dalam keadaan itu ganti rugi tetap dikenakan. Hukum yang tersebut di dalam kitab Taurat itu tetap terpakai dalam syari'at kita (umat Muhammad) juga. (Lihat Tuhfatul Ahwadzi j.1 m/s 247).

⁶⁶⁷ Kata Hafiz Ibnu Hajar, "Sekumpulan 'ulama', termasuk antaranya Ibnu al-Jauzi, cenderung mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap mereka itu adalah sebagai qishāsh. Ibnu al-Jauzi berpendapat hukum itu telah dimansuhkan. Kata Ibnu Syāhīn setelah mengemukakan hadits 'Imrān bin Hushain berhubung dengan larangan daripada melakukan mutslah, "Hadits ini memansuhkan segala bentuk mutslah." Ibnu al-Jauzi mengkritiknya dengan berkata, "Da'waan nasakh memerlukan (kepastian tentang) tarikh.

Kata Hafiz Ibnu Hajar, "Hadits yang diriwayatkan oleh Bukhari di dalam Kitab al-Jihad daripada Abi Hurairah berhubung dengan larangan menyiksa dengan api, datangnya sesudah kebenaran melakukannya. Peristiwa 'Uraniyyīn telah berlaku sebelum Abu Hurairah memeluk agama Islam lagi. Beliau sempat dengan zaman kebenaran dan larangan. Qatādah meriwayatkan daripada Ibnu Sirīn bahawa peristiwa mereka telah berlaku sebelum turunnya ayat hudūd. Musa bin 'Uqbah di dalam Maghāzinya menulis, "Mereka menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. melarang selepas itu daripada mutslah berpandukan ayat yang tersebut di dalam Surah al-Mā'idah itu. Bukhari (juga) cenderung ke situ. Imam al-Hāramain menukilkan pandangan yang sama di dalam an-Nihāyah daripada asy-Syafi'e." Demikianlah ringkasan ulasan Hafiz Ibnu Hajar.